

BAB IV

DAPATAN KAJIAN

4.0 Kajian Kes Pengurusan Kewangan Sekolah Rendah (Tamil) Rawang, 48000 Rawang, Selangor.

Sekolah ini adalah sebuah Sekolah Rendah (Tamil) yang terletak di kawasan pinggir pekan Rawang, kira-kira dua kilometer dari pekan tersebut. Kebanyakkan penduduk di sini terdiri daripada petani, penjaja kecil, pekerja-pekerja kilang dan kakitangan kerajaan.

4.1.0 Punca Kewangan Sekolah

4.1.1 Bantuan dan Pemberian Kerajaan

Sekolah ini mendapat sumber kewangannya dari dua punca yang utama. Pertama ialah dari sumber kerajaan dan yang keduanya ialah dari pungutan yang dibuat oleh sekolah sendiri. Sumber dari kerajaan ini termasuklah dari pemberian bantuan per kapita yang diberikan dua kali dalam setahun. Selain dari itu kerajaan juga menyediakan peruntukan bagi pembayaran gaji guru-guru dan kakitangan sekolah, di mana pada tiap-

tiap bulan sekolah ini perlu menyediakan lembaran gaji, kemudian dikemukakan kepada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor untuk diproses dan disampaikan kepada pejabat pembayaran.

Bagi bantuan Per Kapita yang meliputi Lain-Lain Perbelanjaan Berulang Tahun dan Lain Perbelanjaan Khas (LPBT/LBT). Selaras dengan Surat Pekeliling Kewangan Bil 12 Tahun 1998 iaitu mengenai Pemberian Bantuan Per Kapita Untuk Sekolah-Sekolah, sekolah ini telah mengemukakan dua kali permohonan untuk mendapatkan bantuan tersebut.

Bantuan Per Kapita bagi matapelajaran ini telah digunakan oleh sekolah bagi tujuan membeli peralatan supaya penyampaian mata pelajaran akan menjadi lebih berkesan. Sementara Bantuan Per Kapita bukan matapelajaran pula digunakan untuk membayai perbelanjaan pengurusan sekolah seperti yang telah dibincangkan.

Tuntutan Bantuan Per Kapita yang pertama telah dibuat berdasarkan bilangan murid di sekolah tersebut pada bulan Oktober 1998. Sekolah ini telah mendapat peruntukan sebanyak RM14, 623.80. Tuntutan ini adalah berdasarkan bilangan pelajar seramai 1043 orang. Pecahan kepada tuntutan tersebut adalah seperti berikut. Lihat jadual 4.0.

Jadual 4.0
Tuntutan Bantuan Per Kapita Pertama Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (T)
Rawang, Tahun 1999.

Jenis Pemberian	Bilangan Murid	Kadar Bantuan setahun/seorang murid setahun	Jumlah Tuntutan
A. Matapelajaran			
1. Sains dan Matematik	1043 (1.10.98)	<u>750</u> murid pertama = RM1,805.00 <u>293</u> murid x RM <u>1.80</u> = RM 527.00 RM2,332.40	RM 1,166.20
2. Sains Sosial dan Bahasa	1043 (1.10.98)	<u>750</u> murid pertama = RM1,130.00 <u>293</u> murid x RM <u>0.60</u> = RM 175.80 RM1,305.80	RM 652.90
3. Pendidikan Seni	1043 (1.10.98)	<u>750</u> murid pertama = RM1,120.00 <u>293</u> murid x RM <u>0.60</u> = RM 175.80 RM1,295.80	RM 647.90
4. Pendidikan Jasmani	1043 (1.10.98)	<u>750</u> murid pertama = RM2,900.00 <u>293</u> murid x RM <u>2.00</u> = RM 586.00 RM3,486.00	RM 1,743.00
5. Kemahiran Hidup	582 (Thn. 4-6) (1.10.98)	<u>500</u> murid pertama = RM3,075.00 <u>82</u> murid x RM <u>4.00</u> = RM 328.00 RM3,403.00	RM 1,701.50
B. Bukan Matapelajaran			
1. Perpustakaan	1043	<u>750</u> murid pertama = RM2,280.00 <u>293</u> murid x RM <u>1.60</u> = RM 468.80 RM2,748.80	RM 1,374.40
2. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	1043	<u>750</u> murid pertama = RM 520.00 <u>293</u> murid x RM <u>0.20</u> = RM 58.60 RM 578.60	RM 289.30
3. Pusat Sumber Pendidikan	1043	<u>750</u> murid pertama = RM 800.00 <u>293</u> murid x RM <u>0.40</u> = RM 117.20 RM 917.20	RM 458.60
4. LPBT / LPK (Sekolah)	1043	<u>750</u> murid pertama = RM10,250.00 <u>293</u> murid x RM <u>10.00</u> = RM 2,930.00 <u>RM13,180.00</u>	RM 6,590.00
5. LPBT / LPK (Asrama)		<u> </u> murid pertama = RM <u> </u> murid x RM <u> </u> = RM <u> </u>	RM
C.		JUMLAH BESAR	RM14,623.80

JADUAL 4.1**Tuntutan Bantuan Per Kapita Kedua Bagi Sekolah Jenis Kebangsaan (T) Rawang, 1999**

Jenis Pemberian	Bilangan Murid	Kadar Bantuan setahun/seorang murid setahun	Jumlah Tuntutan
A. Matapelajaran			
1. Sains dan Matematik	987 (1.7.99)	<u>750</u> murid pertama = RM1,805.00 <u>237</u> murid x RM <u>1.80</u> = <u>RM 426.60</u> <u>RM2,231.60</u>	RM 1,115.80
2. Sains Sosial dan Bahasa	987 (1.7.99)	<u>750</u> murid pertama = RM1,130.00 <u>237</u> murid x RM <u>0.60</u> = <u>RM 142.20</u> <u>RM1,272.20</u>	RM 636.10
3. Pendidikan Seni	987 (1.7.99)	<u>750</u> murid pertama = RM1,120.00 <u>237</u> murid x RM <u>0.60</u> = <u>RM 142.20</u> <u>RM1,262.20</u>	RM 631.10
4. Pendidikan Jasmani	987 (1.7.99)	<u>750</u> murid pertama = RM2,900.00 <u>237</u> murid x RM <u>2.00</u> = <u>RM 474.00</u> <u>RM3,374.00</u>	RM 1,687.00
5. Kemahiran Hidup	533 (Thn. 4-6) (1.7.99)	<u>500</u> murid pertama = RM3,075.00 <u>33</u> murid x RM <u>4.00</u> = <u>RM 132.00</u> <u>RM3,207.00</u>	RM 1,603.50
B. Bukan Matapelajaran			
1. Perpustakaan	987 (1.7.99)	<u>750</u> murid pertama = RM2,280.00 <u>237</u> murid x RM <u>1.60</u> = <u>RM 379.20</u> <u>RM2,659.20</u>	RM 1,329.60
2. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling	987 (1.7.99)	<u>750</u> murid pertama = RM 520.00 <u>237</u> murid x RM <u>0.20</u> = <u>RM 47.40</u> <u>RM 567.40</u>	RM 283.70
3. Pusat Sumber Pendidikan	987 (1.7.99)	<u>750</u> murid pertama = RM 800.00 <u>237</u> murid x RM <u>0.40</u> = <u>RM 94.80</u> <u>RM 894.80</u>	RM 447.40
4. LPBT / LPK (Sekolah)	987 (1.7.99)	<u>750</u> murid pertama = RM10,250.00 <u>237</u> murid x RM <u>10.00</u> = <u>RM 2,370.00</u>	RM 6,310.00
5. LPBT / LPK (Asrama)		<u>RM12,620.00</u> <u>—</u> murid pertama = RM <u>—</u> murid x RM <u>—</u> = RM <u>—</u>	RM
		JUMLAH BESAR	RM 14,044.20

Bagi Tuntutan Bantuan Per Kapita yang kedua pula yang telah dimohon oleh sekolah tersebut sebelum 1 Julai 1999, pula, sekolah ini telah mendapat peruntukan sebanyak RM14, 044.20. Jumlah ini adalah berdasarkan bilangan pelajar sekolah tersebut yang berjumlah 987 orang pelajar pada tarikh tersebut.

Oleh itu jumlah besar Tuntutan Bantuan Per Kapita yang diperolehi oleh sekolah tersebut bagi tahun kewangan 1999 ialah sebanyak RM28, 668.00. Bantuan Per Kapita ini meliputi Lain-Lain Perbelanjaan Berulang tahun dan Lain Perbelanjaan Khas (LPBT/LBT). Peruntukan ini adalah digunakan bagi membayar air, telefon, setem, pengangkutan barang, perkhidmatan cetak dan pembelian bekalan dan bahan sekolah. Selain dari itu kerajaan juga telah memberikan bantuan kewangan bagi mata pelajaran seperti Sains Matematik, Pendidikan Seni, Perpustakaan, Pendidikan Jasmani, bantuan perkhidmatan Bimbangan dan Kaunseling, Sains Sosial dan Bahasa dan Bantuan Pusat Sumber Pendidikan. (Lihat Jadual 4.0 dan Jadual 4.1)

Berdasarkan jadual 4.0 dan jadual 4.1 di atas, sekolah tersebut telah menerima sejumlah RM28, 668.00. Kesemua bantuan daripada kerajaan ini dimasukkan ke dalam Dana Kerajaan.

4.1.2 Rancangan Makanan Tahunan

Selain dari Bantuan Per Kapita, sekolah ini juga menerima bantuan Rancangan Makanan Tahunan. Untuk ini sekolah ini telah menerima sebanyak RM14,400.00 setahun bagi memberi bantuan makanan kepada pelajar-pelajar yang memerlukan. Penyediaan makanan ini biasanya ditenderkan kepada pihak kantin. Pelajar-pelajar yang layak akan dipilih berdasarkan latarbelakang keluarga masing-masing. Hanya pelajar-pelajar yang miskin diberikan bantuan tersebut.

Mengikut Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan (Untuk Tahun Berakhir 31 Disember 1999) jumlah pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap kategori boleh dijelaskan seperti berikut dalam Jadual 4.2 di bawah.

**Jadual 4.2 : Penyata Pendapatan Dan Perbelanjaan SRJK(T) Rawang Untuk
Tahun Berakhir 31 Disember 1999
(KUMPULAN WANG KERAJAAN)**

Perkara	1999
Pendapatan	
LPBT	2,900.00
Perpustakaan	2,704.00
Sains dan Matematik	2,282.00
Pendidikan Seni	1,279.00
Pendidikan Jasmani	3,430.00
Bimbingan dan Kaunseling	573.00
Sains Sosial	1,289.00
Pusat Sumber	906.00
RMT	14,400.00
Muzik	-
Kemahiran Hidup	3,305.00
Komputer	-
Pelbagai	-
UPSR	-
PTS	-
JUMLAH PENDAPATAN	<u>43,068.00</u>

PERBELANJAAN

LPBT	14,801.36
Perpustakaan	2,585.00
Sains dan Matematik	2,368.50
Pendidikan Seni	544.40
Pendidikan Jasmani	3,519.70
Bimbingan Kaunseling	562.50
Sains Sosial	1,111.80
Pusat Sumber	555.80
RMT	14,400.00
Muzik	-
Kemahiran Hidup	3,360.00
Komputer	-
Pelbagai	30.00
UPSR	-
PTS	-
JUMLAH PERBELANJAAN	43,839.06
KELEBIHAN/(KEKURANGAN)	
PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN	(771.06)

4.2.0 Lain-Lain Punca Kewangan

Selain dari bantuan kerajaan tadi, pihak sekolah dibenarkan mengutip yuran khas daripada pelajar-pelajarnya bagi menampung keperluan kewangan sekolah. Walau bagaimana pun, jumlah yuran khas ini mestilah terlebih dahulu mendapat kelulusan

daripada Jabatan Pendidikan Negeri. Bagi sekolah ini ianya dibenarkan mengutip yuran khas seperti berikut:

i)	Lukisan/P.Tangan/Pendididikan Seni	RM1.50
ii)	Sukan/Permainan	RM1.50
iii)	Perpustakaan	RM1.50
iv)	Peperiksaan Dalaman	RM6.00
v)	MSS Sekolah	RM0.50
vi)	MSS Daerah	RM0.30
vii)	MSS Tambahan(Tahun 2-6 sahaja)	RM0.50
viii)	Wakaf (Tahun 1 sahaja)	RM1.00
ix)	Sukan Tahunan	<u>RM5.00</u>
JUMLAH		RM17.80

Bagi tahun kewangan 1999, sekolah ini telah berjaya mengutip sejumlah RM18,169.20. Kutipan wang ini dilakukan secara berperingkat-peringkat. Gurubesar akan memberikan tempoh yang tertentu kepada guru-guru kelas untuk mengutip yuran. Guru-guru akan mengutip wang yuran dari pelajar dan akan menyerahkan kutipan secara harian kepada kerani kewangan sekolah. Setiap kutipan yang diserahkan kepada kerani kewangan akan direkodkan secara formal di dalam borang yang telah disediakan oleh pihak pentadbir. Cara ini mengelakkan kekeliruan dan sebarang kemungkinan wang hilang. Kutipan yuran ini harus disempurnakan sebelum bulan Mac.

Dalam proses pengutipan wang ini, pihak sekolah ada menghadapi masalah dari segi kelewatan para pelajar membayar yuran. Masalah ini amat ketara berlaku di kalangan pelajar-pelajar yang berasal dari golongan miskin. Selepas tamat tempoh yang ditetapkan, yuran pelajar yang gagal dikutip akan dibayar oleh pihak Persatuan

Ibubapa/Guru(PIBG) sekolah ini. Dilihat, pada rekod kewangan tahun 1999, seramai 30 orang pelajar telah gagal menjelaskan yuran yang ditetapkan. Amaun ini telah ditanggung sepenuhnya oleh pihak PIBG. Bagi sekolah ini yuran telah dikutip secara berperingkat-peringkat iaitu sebanyak 3 kali. Segala kutipan wang yuran ini akan dimasukkan kedalam akaun wang SUWA.

Satu lagi sumber kewangan bagi sekolah ini ialah dari segi kutipan sewa kantin. Kantin dikenakan sewa harian sebanyak RM31.00. Hasil kutipan kantin yang telah dibuat sepanjang tahun 1999 (bulan Januari – November) berjumlah RM6,076.00.

Wang yang telah dikutip dari sewa kantin ini juga akan dimasukkan ke dalam akaun wang SUWA. Walaubagaimana pun, pihak sekolah menghadapi beberapa masalah dengan pungutan sewa kantin ini. Antaranya ialah masalah kelewatan penyewa kantin membayar sewa yang telah ditetapkan. Ini dapat dilihat dengan jelas dari tarikh-tarikh pembayaran yang telah direkodkan. Bayaran bagi bulan-bulan Januari, Februari, Mac, dan April hanya dibuat pada bulan Mei. Selain daripada itu, masalah lain yang dihadapi ialah kelewatan pihak penyewa kantin yang lambat membayar bil elektrik. Bil-bil hanya dibayar selepas gurubesar membuat teguran.

Satu lagi sumber pendapatan bagi Sekolah Rendah (Tamil) Rawang ini ialah bayaran sewa kedai buku. Kedai buku sekolah ini diuruskan oleh pihak PIBG. Pihak PIBG memberikan sejumlah RM 1000.00 sebagai bayaran tetap kepada pihak sekolah. Keuntungan yang selebihnya dimasukkan ke dalam akaun PIBG.

Sumbangan PIBG yang lain ialah dari segi menyediakan prasarana atau keperluan murid di luar bilik darjah. Sebagai contohnya, PIBG telah memberikan sumbangan

membina laluan jalan berbumbung yang menghubungkan dua bangunan bagi memudahkan pergerakan pelajar. Anggaran kos bagi membina jalan berbumbung tersebut ialah sebanyak RM 2000.00. Selain dari itu, PIBG juga telah membina pondok-pondok bacaan di sekolah tersebut untuk kegunaan pelajar. Sebagai contohnya pada tahun kewangan 1999 sahaja PIBG telah membina dua unit pondok bacaan yang bernilai RM3000.00 setiap satunya.

PIBG juga memberikan sumbangan untuk hari sukan sebanyak RM500.00. Wang ini dibelanjakan untuk menyediakan makanan dan minuman pelajar pada hari sukan. Selain daripada itu, PIBG juga membantu sekolah untuk mengecat bangunan sekolah.

Selain dari sumber kewangan di atas, pihak sekolah juga ada menerima sumbangan dalam bentuk derma dari orang ramai dan pihak swasta.

Mengikut Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan untuk tahun berakhir 31 Disember 1999 (KUMPULAN WANG SUWA) jumlah pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap kategori boleh dijelaskan seperti dalam jadual 4.3 di bawah.

Jadual 4.3 : Pendapatan dan Perbelanjaan (Kumpulan Wang SUWA)

SRJK(T) Rawang Tahun 1999

PERKARA

PENDAPATAN

Sukan Permainan	1,483.50
Perpustakaan	1,483.50
Seni Lukis	1,483.50
Kertas Ujian	5,934.00
Majalah	-

Wakaf	-
Kantin	6,076.00
Kedai Buku	-
Sukan Tahunan	4,945.00
Takaful	-
Yuran Murid/Asing	-
Cagaran	1,000.00
Potongan Angkasa	-
Pelbagai	708.80
Projek Susu Sekolah	-
MSS Tambahan	-
JUMLAH PENDAPATAN	23,114.30

PERBELANJAAN

Sukan Permainan	1,498.20
Perpustakaan	1,467.30
Seni Lukis	1,583.10
Kertas Ujian	5,898.90
Majalah	-
Wakaf	-
Kantin	6,115.77
Kedai Buku	-

Sukan Tahunan	4,830.60
Takaful	-
Yuran Murid Asing	-
Cagaran	1,000.00
Potongan Angkasa	-
Pelbagai	587.11
Projek Susu Sekolah	-
MSS Tambahan	-
JUMLAH PERBELANJAAN	22,980.98
KELEBIHAN/(KEKURANGAN)	
PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN	133.32

4.3 Pengurusan Kewangan Sekolah


Di samping mendapatkan punca kewangan sekolah, pengetua selaku pentadbir sekolah adalah bertanggungjawab penuh untuk merancang, mengurus, mengawal, serta menentukan pengurusan kewangan di sekolahnya. Bagi sekolah ini, kebanyakkan tugas pengurusan kewangan dibuat oleh gurubesar dengan dibantu oleh kerani kewangan.

Biasanya pada awal tahun, pihak sekolah akan menyediakan Anggaran Belanjawan Mengurus untuk dihantar ke Jabatan Pendidikan Negeri untuk mendapatkan peruntukan bagi tahun seterusnya. Kementerian Pendidikan akan menyalurkan peruntukan kewangan yang telah diterima daripada Perbadaharaan ke sekolah dengan teratur. Sekolah ini tidak terkecuali dari prosedur ini. Sebagai contohnya, untuk

mendapatkan peruntukan untuk tahun 1999, gurubesar telah mengemukakan tuntutan kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) untuk dihantar kepada Pejabat Pembayar bagi urusan pembayarannya. Bagi urusan tuntutan ini, gurubesar dimestikan menggunakan Borang SR seperti yang telah ditetapkan oleh Arahan Surat Pekeliling Kewangan Bil 12 Tahun 1998. Sekolah menerima jumlah bantuan Pendapatan Per Kapita dalam bentuk tunai dan jumlah tersebut dimasukkan ke dalam Akaun Kumpulan Wang Kerajaan mengikut ruangan bantuan yang ditetapkan. Urusan perolehan akan dibuat oleh sekolah sendiri mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Gurubesar sekolah tersebut telah membuat tuntutan Bantuan Per Kapita sebanyak dua kali seperti yang telah ditetapkan oleh Surat Pekeliling Kewangan Bil 12 Tahun 1998. Jumlah tuntutan adalah seperti yang terkandung dalam Jadual 4.0 dan Jadual 4.1.

Bagi tuntutan/pemberian Per Kapita matapelajaran, jumlah bantuan yang layak dituntut oleh sekolah adalah berdasarkan bilangan murid yang mengambil matapelajaran tersebut sahaja. Jumlah yang telah dituntut oleh sekolah ini dalam kategori ini ialah seperti Jadual 4.0 dan 4.1

Sekolah ini mempunyai sebuah jawatankuasa kewangan seperti berikut.



Jawatankuasa kewangan ini akan mengadakan mesyuarat pada awal bulan Jun pada setiap tahun. Gurubesar akan menerangkan jumlah peruntukan yang akan diperolehi bagi tahun semasa. Kebanyakkan keputusan dibuat oleh Gurubesar dan Guru Penolong Kanan 1. Peruntukan bagi setiap panitia juga akan dibincangkan dalam mesyuarat Jawatankuasa Kewangan. Segala cek-cek hanya boleh ditandatangani oleh Gurubesars, Guru Penolong Kanan 1 dan Penyelia Petang. Segala urusan merekodkan aktiviti keluar masuk wang direkodkan oleh kerani kewangan.

Sekolah ini juga didapati mempunyai penyelenggaraan yang baik terhadap buku tunai. Setiap tahun buku tunai yang baru akan digunakan untuk memudahkan urusan merekodkan maklumat apabila buku tunai bagi tahun sebelumnya dihantar ke pejabat audit untuk tujuan pengauditan.

Untuk memudahkan urusan menyimpan wang sekolah, sekolah ini mempunyai akaun di bank tempatan. Ini selaras dengan Arahan Perbendaharaan (Surat Pekeling Perbendaharaan Bil 10 Tahun 1983).

Dari aspek penyimpanan resit, sekolah ini turut mempunyai sistem penyimpanan resit yang baik. Resit digunakan untuk memperakaunkan setiap terimaan dan pungutan yang dilakukan dalam bentuk wang tunai, cek, wang kiriman dan lain-lain.

4.4 Masalah-masalah yang dihadapi oleh pihak pentadbir SRJK(T) dalam pengurusan kewangan sekolah.

Antara masalah paling utama yang dialami oleh SRJK(T) Rawang ini ialah masalah peruntukan Pendapatan Per Kapita yang tidak mencukupi bagi menampung perbelanjaan sekolah tersebut. Ini disebabkan kadar yang diberi kepada sekolah-sekolah

pada masa kini tidak sesuai. Gurubesar sekolah tersebut menyatakan bahawa jumlah peruntukan Per Kapita tidak berubah sejak sepuluh tahun lalu.

Masalah lain ialah dari segi kutipan yuran. Setiap tahun, lebih kurang dua puluh orang pelajar gagal menjelaskan yuran persekolahan mereka. Oleh itu gurubesar terpaksa mencari punca-punca lain seperti mendapatkan sumbangan dari PIBG, atau derma orang ramai untuk menampung jumlah yuran yang tidak dibayar.

Gurubesar SRJK(T) ini juga berpendapat bahawa bilangan kerani kewangan yang terdapat di sekolah harus ditambah bagi memudahkan lagi pengurusan kewangan sekolah. Di samping itu, kerani-kerani kewangan ini juga harus diberikan kursus pengurusan kewangan sekolah dari masa ke semasa untuk menambahkan kecekapan mereka.

4.5 Kajian Kes Pengurusan Kewangan Sekolah Rendah(Cina) San Yuk, 48000

Rawang Selangor.

Sekolah ini adalah sebuah sekolah yang telah didirikan pada tahun 50an. Sekolah ini mempunyai dua pusat operasi. Pusat yang pertama terletak bersebelahan jalan utama Batu Enam Belas Rawang-Kuala Lumpur. Oleh kerana sekolah ini tidak dapat menampung bilangan pelajar yang semakin meningkat, maka sekolah ini telah membuka cawangannya di sebuah kawasan pinggir pekan Rawang tidak jauh dari pusat yang pertama. Segala pejabat pentadbiran sekolah ini kini terletak di bangunan baru yang terletak di atas bukit. Walaubagai mana pun bangunan lama bersebelahan jalan masih lagi digunakan sebagai bangunan kelas. Terdapat dua buah blok sahaja di tapak yang lama. Sementara kawasan sekolah yang baru mengandungi empat buah blok.

Satu blok, satu tingkat yang telah dijadikan sebagai blok pentadbiran di mana pejabat gurubesar terletak. Terdapat dua buah blok dua tingkat. Sekolah ini juga mempunyai sebuah dewan. Selain daripada itu, sebuah bangunan empat tingkat masih dalam proses pembinaan. Ini adalah untuk menampung bilangan pelajar yang semakin ramai.

4.6.0 Punca Kewangan Sekolah

4.6.1 Bantuan Per Kapita

Seperti sekolah-sekolah bantuan kerajaan yang lain, sekolah ini juga mendapat peruntukan Bantuan Per Kapita untuk matapelajaran dan bukan matapelajaran. Selaras dengan arahan Surat Pekeliling Kewangan Bil 12 Tahun 1998, sekolah ini juga telah mengemukakan tuntutan Bantuan Per Kapita sebanyak dua kali.

Tuntutan yang pertama telah dibuat pada 1hb Oktober 1998 berdasarkan bilangan pelajar sekolah pada tarikh tersebut. Tuntutan yang pertama ini adalah untuk kegunaan tempoh separuh pertama tahun 1999. Jumlah tuntutan adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4.4 di sebelah.

JADUAL 4.4 :
TUNTUTAN BANTUAN PER KAPITA SRJK(C) SAN YUK , 48000 RAWANG, SELANGOR, TAHUN 1999

Jenis Pemberian	Bilangan Murid	Kadar Bantuan setahun/seorang murid setahun	Jumlah Tuntutan (50%)
A. Matapelajaran			
1. Sains dan Matematik (020306)	2425	<u>750</u> murid pertama = RM1,805.00 <u>1675</u> murid x RM <u>1.80</u> = <u>RM3,015.00</u> <u> </u> = <u>RM4,820.00</u>	RM 2,410.00
2. Sains Sosial Dan Bahasa (020312)	2425	<u>750</u> murid pertama = RM1,130.00 <u>1675</u> murid x RM <u>0.60</u> = <u>RM 1,005.00</u> <u> </u> = <u>RM 2,135.00</u>	RM 1,067.50
3. Pendidikan Seni (020307)	2425	<u>750</u> murid pertama = RM1,120.00 <u>1675</u> murid x RM <u>0.60</u> = <u>RM1,005.00</u> <u> </u> = <u>RM2,125.00</u>	RM 1,062.50
4. Pendidikan Jasmani (020309)	2425	<u>750</u> murid pertama = RM2,900.00 <u>1675</u> murid x RM <u>2.00</u> = <u>RM3,350.00</u> <u> </u> = <u>RM6,250.00</u>	RM 3,125.00
5. Kemahiran Hidup (4-6) (020314)	1226	<u>750</u> murid pertama = RM4,075.00 <u>476</u> murid x RM <u>3.50</u> = <u>RM1,666.00</u> <u> </u> = <u>RM5,741.00</u>	RM 2,870.50
B. Bukan Matapelajaran			
1. Perpustakaan (020308)	2425	<u>750</u> murid pertama = RM2,280.00 <u>1675</u> murid x RM <u>1.60</u> = <u>RM2,680.00</u> <u> </u> = <u>RM4,980.00</u>	RM 2,480.00
2. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (020310)	2425	<u>750</u> murid pertama = RM 520.00 <u>1675</u> murid x RM <u>0.20</u> = <u>RM 335.00</u> <u> </u> = <u>RM 855.00</u>	RM 427.50
3. Pusat Sumber Pendidikan (020311)	2425	<u>750</u> murid pertama = RM 800.00 <u>1675</u> murid x RM <u>0.40</u> = <u>RM 670.00</u> <u> </u> = <u>RM 1470.00</u>	RM 735.00
4. LPBT / LPK (Sekolah) (020305)	2425	<u>750</u> murid pertama = RM10,250.00 <u>1675</u> murid x RM <u>10.00</u> = <u>RM 16,750.00</u> <u> </u> = <u>RM27,000.00</u>	RM 13,500.00
		JUMLAH BESAR	RM 27,678.00

Jadual 4.4 di sebelah juga menunjukkan jumlah peruntukan matapelajaran dan bukan matapelajaran yang diperolehi oleh sekolah tersebut bagi tempoh separuh tahun 1999 ialah sebanyak RM27,678.00.

Seterusnya gurubesar sekolah telah mengemukakan tuntutan yang kedua bagi tempoh separuh kedua tahun 1999. Tuntutan ini adalah berdasarkan bilangan pelajar sebelum tarikh 1 Julai 1999.

Berdasarkan tuntutan tersebut, pecahan dan jumlah peruntukan yang telah diperolehi bagi matapelajaran dan bukan matapelajaran oleh sekolah tersebut adalah seperti Jadual 4.5 di sebelah.

Berdasarkan jadual di sebelah, sekolah ini telah menerima jumlah peruntukan yang lebih tinggi daripada tuntutannya yang pertama iaitu sebanyak RM28,647.60. Ini adalah kerana bilangan pelajar yang telah semakin bertambah iaitu dari 2425 orang pada 1hb Oktober 1998 kepada 2541 orang pelajar pada 1hb Julai 1999.

Pertambahan ini mungkin disebabkan oleh pendaftaran pelajar-pelajar tahun 1 yang baru mendaftar pada tahun 1999.

JADUAL 4.5
TUNTUTAN BANTUAN PER KAPITA BAGI SRJK(C), TAHUN 1999
Tuntutan Kedua

Jenis Pemberian	Bilangan Murid	Kadar Bantuan setahun/seorang murid setahun	Jumlah Tuntutan/ Pemberian
A. Matapelajaran			
1. Sains dan Matematik (020306)	2541	$\frac{750 \text{ murid pertama}}{1791 \text{ murid} \times \text{RM } 1.80} = \text{RM } 1,805.00$ $\underline{\text{RM } 3,223.80}$ $\underline{\text{RM } 5,028.80}$	RM 2,514.40
6. Sains Sosial Dan Bahasa (020312)	2541	$\frac{750 \text{ murid pertama}}{1791 \text{ murid} \times \text{RM } 0.60} = \text{RM } 1,130.00$ $\underline{\text{RM } 1,074.60}$ $\underline{\text{RM } 2,204.60}$	RM 1,102.30
7. Pendidikan Seni (020307)	2541	$\frac{750 \text{ murid pertama}}{1791 \text{ murid} \times \text{RM } 0.60} = \text{RM } 1,120.00$ $\underline{\text{RM } 1,074.60}$ $\underline{\text{RM } 2,194.60}$	RM 1,097.30
8. Pendidikan Jasmani (020309)	2541	$\frac{750 \text{ murid pertama}}{1791 \text{ murid} \times \text{RM } 2.00} = \text{RM } 2,900.00$ $\underline{\text{RM } 3,582.00}$ $\underline{\text{RM } 6,482.00}$	RM 3,241.00
9. Kemahiran Hidup (4-6) (020314)	1210	$\frac{750 \text{ murid pertama}}{460 \text{ murid} \times \text{RM } 3.50} = \text{RM } 4,075.00$ $\underline{\text{RM } 1,610.00}$ $\underline{\text{RM } 5,685.00}$	RM 2,842.50
B. Bukan Matapelajaran			
1. Perpustakaan (020308)	2541	$\frac{750 \text{ murid pertama}}{1791 \text{ murid} \times \text{RM } 1.60} = \text{RM } 2,280.00$ $\underline{\text{RM } 2,865.60}$ $\underline{\text{RM } 5,145.60}$	RM 2,572.80
2. Perkhidmatan Bimbingan dan Kaunseling (020310)	2541	$\frac{750 \text{ murid pertama}}{1791 \text{ murid} \times \text{RM } 0.20} = \text{RM } 520.00$ $\underline{\text{RM } 358.20}$ $\underline{\text{RM } 878.20}$	RM 439.10
3. Pusat Sumber Pendidikan (020311)	2541	$\frac{750 \text{ murid pertama}}{1791 \text{ murid} \times \text{RM } 0.40} = \text{RM } 800.00$ $\underline{\text{RM } 716.40}$ $\underline{\text{RM } 1516.40}$	RM 758.20
4. LPBT / LPK (Sekolah) (020305)	2541	$\frac{750 \text{ murid pertama}}{1791 \text{ murid} \times \text{RM } 10.00} = \text{RM } 10,250.00$ $\underline{\text{RM } 17,910.00}$ $\underline{\text{RM } 28,160.00}$	RM 14,080.00
		JUMLAH BESAR	RM 28,647.60

Berdasarkan jadual di 4.5, sekolah ini telah menerima jumlah peruntukan yang lebih tinggi daripada tuntutannya yang pertama iaitu sebanyak RM28,647.60. Ini adalah kerana bilangan pelajar yang telah semakin bertambah iaitu dari 2425 orang pada 1hb Oktober 1998 kepada 2541 orang pelajar pada 1hb Julai 1999. Pertambahan ini mungkin disebabkan oleh pendaftaran pelajar-pelajar tahun 1 yang baru mendaftar pada tahun 1999.

4.6.2 Bantuan Rancangan Makanan Tambahan

Satu lagi sumber kewangan yang datang dari kerajaan ialah Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT). Bantuan ini diberikan untuk membantu pelajar-pelajar miskin supaya mendapat makanan berkhasiat yang secukupnya bagi tumbesaran kanak-kanak sekolah rendah. Jumlah yang telah diterima oleh sekolah tersebut bagi tujuan di atas adalah seperti jadual 4.6 di bawah.

JADUAL 4.6

PEMBERIAN BANTUAN RANCANGAN MAKANAN TAMBAHAN

SRJK (C) SAN YUK, RAWANG PADA TAHUN 1999

Bil.	Nama Sekolah	Kadar	Amaun RM
1.	SJK(C) SAN YUK, 48000 RAWANG, SELANGOR DARUL EHSAN	80 murid x RM0.80 x 120 hari JUMLAH	7,680.00 7,680.00

Mengikut Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan untuk tahun berakhir 31 Disember 1999(KUMPULAN WANG KERAJAAN) jumlah pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap kategori boleh dijelaskan seperti dalam jadual 4.7 di bawah.

Jadual 4.7: Pendapatan dan Perbelanjaan(Kumpulan Wang Kerajaan)

SRJK (C) San Yuk, Rawang, pada tahun 1999.

Pendapatan	1999
LPBT/LPK	30,343.15
Perpustakaan	5,052.80
Sains/Matematik	4,924.40
Pendidikan Seni	2,159.80
Pendidikan Jasmani	6,366.00
Bimbingan Kaunseling	866.60
Sains Sosial dan Bahasa	2,169.80
Pusat Sumber Pendidikan	1,493.20
Kemahiran Hidup	5,713.00
Pelbagai	-
Rancangan Makanan Tambahan	7,680.00
Peruntukan Muzik	-
Peruntukan Komputer	-
JUMLAH PENDAPATAN	<u>66,768.75</u>

PERBELANJAAN **1999**

Bantuan Pelajaran:

LPBT/LPK	30,463.50
Perpustakaan	4,804.80
Sains/Matematik	5,206.00
Pendidikan Seni	1,888.00
Pendidikan Jasmani	6,342.00
Bimbingan Kaunseling	840.00
Sains Sosial dan Bahasa	1,954.40
Pusat Sumber Pendidikan	1,620.00
Kemahiran Hidup	5,640.00
Pelbagai	169.00
Rancangan Makanan Tambahan	7,680.00
Peruntukan Muzik	51.00
Peruntukan Komputer	98.80
JUMLAH PERBELANJAAN	<u>66,749.50</u>

KELEBIHAN/(KEKURANGAN)

PENDAPATAN DARIPADA PERBELANJAAN **19.25**

4.7.0 Yuran Sekolah

Selain dari sumber kewangan dari kerajaan seperti yang telah dinyatakan di atas, sekolah ini turut membuat kutipan wang yuran dari para pelajar. Kutipan ini dibuat setelah mendapat kebenaran dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri. Jumlah yang dikutip dari setiap pelajar, berbeza-beza mengikut tahun seseorang murid itu berada. Butiran

terperinci bagi kutipan yuran di sekolah bagi tahun kewangan 1999 adalah seperti dalam jadual 4.8 di bawah. Segala pendapatan/kutipan yuran akan dimasukkan ke dalam akaun Wang SUWA.

Jadual 4.8: Jenis-jenis kutipan yuran bagi SRJK (C) San Yuk,

Rawang bagi tahun 1999

4.7.1 Yuran Murid Darjah 1

Yuran Khas Sekolah	-	RM 4.50
Wang Wakaf	-	RM 1.00
Yuran Tahunan MSSD	-	RM 0.30
Yuran Tahunan MSSS	-	RM 0.50
Yuran Peperiksaan Dalaman	-	RM 8.00
Insuran	-	<u>RM 1.50</u>
JUMLAH	-	<u>RM15.80</u>
JUMLAH BESAR		
(468 orang murid x RM15.80)	-	RM7,394.40

Yuran Murid Darjah 2 – 6

Yuran Khas Sekolah	-	RM 4.50
Yuran Tambahan	-	RM 0.50
Yuran Tahunan MSSD	-	RM 0.30
Yuran Tahunan MSSS	-	RM 0.50
Yuran Peperiksaan Dalaman	-	RM 8.00
Insuran	-	<u>RM 1.50</u>

JUMLAH (Setiap pelajar)	-	RM15.30
JUMLAH BESAR		
(2082 orang murid x RM15.30)	-	RM31,854.60
Yuran PTS (Darjah 3 sahaja)	-	RM 2.00
(435 orang murid x RM 2.00)	-	RM870.00
Yuran UPSR (Darjah 6 sahaja)	-	RM 5.00
(375 orang murid x RM 5.00)	-	RM1,875.00

Mengikut gurubesar SRJK(C) San Yuk , sekolah ini tidak menghadapi sebarang masalah dalam proses pengutipan yuran-yuran tersebut daripada pelajar. Malah menurut beliau, sekolah ini sentiasa mencatatkan pembayaran yuran 100% pada setiap tahun. Jumlah besar kutipan yuran sekolah ialah sebanyak RM 41,994.00

4.8.0 Sewa Katin Sekolah

Oleh kerana sekolah ini adalah sebuah sekolah yang besar, dan mempunyai dua cawangan, maka kantin sekolah ini telah disewakan kepada lima orang peniaga. Segala hasil kutipan dimasukkan ke dalam akaun wang SUWA. Kantin sekolah pusat mempunyai empat orang peniaga dan sekolah cawangan satu peniaga sahaja. Setiap peniaga kantin dikenakan wang cagaran. Selain dari itu, sewa kantin yang dikutip adalah mengikut kadar bulanan dan tetap. Jumlah kutipan cagaran dan sewa kantin adalah seperti berikut:

4.8.1 Wang Cagaran Kantin

Sekolah Pusat	-	RM 2500.00
Sekolah Cawangan	-	RM 500.00
JUMLAH	-	RM 3000.00

4.8.2 Sewa Kantin (Sebulan)

Sekolah pusat	Gerai 1	-	RM750.00
	Gerai 2	-	RM450.00
	Gerai 3	-	RM450.00
	Gerai 4	-	RM450.00
Sekolah cawangan	Gerai 5	-	RM260.00
JUMLAH BESAR pendapatan			
sewa kantin bagi sebulan		-	RM2360.00

4.9.0 Hasil jualan kedai buku sekolah

Satu lagi sumber kewangan yang dimasukkan ke dalam akaun wang SUWA sekolah ini ialah keuntungan dari kedai buku sekolah. Kedai buku sekolah ini diuruskan sendiri oleh pihak sekolah. Beberapa orang guru diberikan tanggungjawab untuk menguruskan kedai buku tersebut. Dengan cara ini, pihak sekolah mendapat pendapatan yang lumayan dari jualan kedai buku tersebut. Jadual 4.9 di sebelah menunjukkan kadar jualan dan keuntungan kasar yang telah diperolehi dari kedai buku.

**Jadual 4.9: Penyata Untung/Rugi Kedai Buku SRJK (C) San Yuk,
Rawang, Bagi Tahun 1999**

Jualan semasa		RM 255,234.00
Kos Jualan		
Stok awal	:	RM 7,503.89
Pembelian	:	RM244, 572.23
		<u>RM252, 076.12</u>
Tolak ambilan dalam	:	RM 2, 126.39
		RM249,949.73
Tolak stok akhir	:	RM 8,094.06 RM241,855.67

KEUNTUNGAN BERSIH **RM13,378.53**

Daripada kiraan akaun tersebut yang telah diberikan oleh kerani kewangan sekolah berkenaan, hasil keuntungan dari kedai buku berjumlah sebanyak RM13,378.53. Wang ini juga dimasukkan ke dalam akaun wang SUWA.

4.10.0 Sumbangan Derma

Selain dari sumber-sumber kewangan di atas, sekolah ini juga menerima sumbangan yang amat besar dari Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG). Menurut gurubesar sekolah tersebut, PIBG sentiasa bergerak aktif dalam melaksanakan projek-projek yang boleh mendatangkan faedah kepada para pelajar. Contohnya, PIBG telah membantu membina bangunan tambahan dua tingkat untuk sekolah tersebut. PIBG juga membantu membina jalan berbumbung untuk menghubungkan blok-blok di sekolah ini.

Satu lagi badan yang memberikan sumbangan besar terhadap sumber kewangan sekolah tersebut ialah Persatuan Bekas Pelajar San Yuk. (San Yuk Old Boys Association). Pada masa sekarang, persatuan ini sedang membina sebuah bangunan tiga tingkat untuk sekolah tersebut.

Selain daripada itu, sumbangan derma dari individu perseorangan dan badan politik seperti Malayan Chinese Association (MCA) turut diperolehi oleh sekolah tersebut. Kesemua ini dimasukkan ke dalam akaun wang SUWA. Badan politik seperti MCA, memberikan sumbangan mereka melalui Projek Langkawi.

Mengikut Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan untuk tahun berakhir 31 Disember 1999(KUMPULAN WANG SUWA) jumlah pendapatan dan perbelanjaan bagi setiap kategori boleh dijelaskan seperti dalam jadual 4.10 di bawah.

Jadual 4.10: Pendapatan Dan Perbelanjaan (Kumpulan Wang SUWA)

SRJK(C) San Yuk bagi tahun 1999

PENDAPATAN	(RM)
Yuran Khas:	
Sukan/Permainan	3,796.50
Perpustakaan	3,796.50
L/P Tangan	3,796.50
Derma Penyokong	1,008.00
Peperiksaan Dalam	20,248.00
Projek Susu (Keuntungan)	-

Kedai Buku 13,378.53

Pelbagai 3,119.16

Kantin 23,600.00

JUMLAH PENDAPATAN **72,743.19**

PERBELANJAAN

Yuran Khas:

Sukan/Permainan 3,811.70

Perpustakaan 3,739.50

L/P Tangan 3,900.00

Derma Penyokong 1,170.00

Yuran Percetakan 16,677.90

Projek Susu 37.62

Kedai Buku 12,882.07

Pelbagai 3,123.40

Kantin 23,438.84

JUMLAH PERBELANJAAN **68,781.03**

KELEBIHAN/(KEKURANGAN)

PENDAPATAN DARIPADA PERBELANJAAN **3,962.16**

4.11 Pengurusan Kewangan SRJK (C) San Yuk, Rawang.

Seperti yang telah ditetapkan, sekolah ini mempunyai dua buah buku Akaun bagi merekodkan segala urusan kewangan yang dilaksanakan. Buku-buku tersebut ialah buku wang tunai kerajaan bagi merekodkan segala pendapatan dan perbelanjaan wang peruntukan dari kerajaan. Sementara buku wang SUWA pula adalah untuk merekodkan segala pendapatan dan perbelanjaan dari sumber pendapatan yang lain.

Sekolah ini juga mempunyai satu jawatankuasa kewangan seperti berikut. Jawatankuasa kewangan ini diketuai oleh gurubesar dengan dibantu oleh guru penolong kanan satu, guru kanan hal-ehwal murid, dan ketua-ketua panitia matapelajaran. Jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat sebanyak dua kali setahun, iaitu pada awal tahun dan pertengahan tahun. Gurubesar akan menerangkan jumlah peruntukan yang diperolehi dan jumlah pembahagiannya bagi setiap panitia matapelajaran berdasarkan keperluan masing-masing.

Bagi proses pembayaran yuran pula, gurubesar akan mengeluarkan satu surat kuasa kepada guru-guru darjah, untuk membolehkan mereka mengutip yuran dari pelajar. Biasanya proses pengutipan yuran ini akan diselesaikan sebelum akhir bulan Mac.

4.12 Masalah Pengurusan Kewangan SRJK (C) San Yuk, Rawang.

Pada keseluruhannya, gurubesar sekolah ini menyatakan beliau tidak mengalami sebarang masalah yang ketara dari segi pengurusan kewangannya. Dari segi yuran misalnya, pelajar-pelajar sekolah ini selalu membayar tepat pada masa yang ditetapkan. Walaubagai mana pun, beliau berpendapat jumlah peruntukan dalam tuntutan Per Kapita harus ditambah, memandangkan kos perbelanjaan yang telah meningkat pada masa kini.